

Kerja pembangkang menabur fitnah untuk bangkitkan kemarahan rakyat

# PM: Jangan salah pilih

25 OCT 1999

Oleh SAMSOR JUNET, AZNAN BAKAR  
dan AMRAN MULUP

**K**UALA LUMPUR 24 Okt. — Lebih 100,000 penyokong Barisan Nasional (BN) yang merayakan ulang tahun ke-25 di Stadium Nasional, Bukit Jalil di sini malam ini mendengar amanat Perdana Menteri supaya rakyat tidak tersalah pilih kerajaan pada pilihan raya umum akan datang.

Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata, rakyat jangan terpengaruh dengan dakyah parti pembangkang dan pemimpin tertentu yang kerjanya hanya menabur fitnah supaya membenci kerajaan dan seterusnya menjatuhkan kerajaan yang sedia ada.

“Orang yang cekap menabur fitnah memang dapat mempengaruhi rakyat untuk membuat pilihan yang salah kerana rakyat mudah tertipu dengan cerita-cerita popular yang bersifat fitnah.

“Pembangkang sebenarnya hanya bertujuan untuk membangkitkan kebencian di kalangan rakyat supaya menentang kerajaan dan dengan itu tersalah pilih kerajaan. Oleh itu rakyat harus berhati-hati,” katanya.

● Lagi berita dan gambar-gambar di muka 2, 4 dan 10

Beliau yang juga Pengerusi BN menyatakan demikian ketika berucap merasmikan sambutan Jubli Perak BN bertemakan *Teguh, Padu Ke Alaf Baru* di sini serentak dengan sambutan di stadium-stadium negeri di seluruh negara.

Dalam hubungan ini, kata Dr. Mahathir, rakyat juga tidak perlu percaya dengan pakatan parti-parti pembangkang yang hanya berjuang untuk kepentingan masing-masing dengan saling menipu.

Menurut beliau, parti DAP yang bekerjasama dalam pakatan pembangkang tidak mahu dibentuk sebuah negara Islam sedangkan Pas memperjuangkan negara Islam.

Katanya, Parti Keadilan Nasional (Keadilan) pula hanya mahu memperjuangkan nasib seorang individu yang telah disingkirkan daripada parti dan kerajaan kerana berkelakuan buruk yang bertentangan dengan agama dan undang-undang.

Menurutnya, prinsip dan perjuangan parti pembangkang itu tidak jelas sama sekali di antara satu sama lain sedang

■ Lihat muka 4

## 25 OCT 1999 PM: Jangan salah pilih

kan BN dari dulu hingga sekarang mempunyai matlamat untuk membangunkan negara dan semua rakyat, 'bukannya membela nasib satu orang yang telah dipenjara sahaja'.

"Jangan percaya cakap dan dakyah orang tertentu yang suka menabur fitnah terhadap kerajaan. Jangan percaya kepada pakatan parti-parti pembangkang yang kerjanya hanyalah untuk menipu rakyat.

"Percayalah pakatan parti-parti pembangkang juga tidak boleh dipercayai kerana mereka juga ditubuhkan untuk saling menipu sesama sendiri bagi mendapat sokongan dalam pilihan raya. Malah Pas sanggup kata Tuhan benarkan mencarut," ujarnya.

Dr. Mahathir menjelaskan, berkali-kali percubaan telah dibuat supaya rakyat membenci kerajaan sedangkan pada masa yang sama pembangkang tidak mampu menawarkan khidmat yang baik untuk rakyat.

"Yang mereka boleh sumbang hanyalah fitnah," ujarnya.

Katanya, pembangkang yang sama juga menuduh kerajaan yang ada sekarang sebagai kerajaan 'mahazalim' dan 'mahafiraun' di samping menuduh kerajaan meracun Datuk Seri Anwar Ibrahim sedangkan itu tidak benar sama sekali.

Dalam hubungan ini Perdana Menteri juga meminta rakyat supaya melihat ke negara-negara lain yang telah menerima kesan buruk apabila rakyatnya telah tersalah pilih kerajaan yang tidak cekap.

Dalam ucapannya itu Perdana Menteri juga menegaskan BN telah membuktikan kepada rakyat dan dunia akan kemampuannya membangunkan negara sehingga bakal menjadi negara maju menjelang 2020.

"Kita mampu bertanding walaupun kuasa asing dan negara kuasa besar cuba melemahkan kita dengan menjatuhkan nilai ringgit tetapi kita tidak bergoncang kerana tetap menyokong BN," katanya sambil mendapat tepukan bergemuruh daripada hadirin.

Menurut beliau lagi, apa yang sangat membanggakan kerajaan ialah walaupun negara ditekan dengan begitu teruk,

rakyat tetap tidak mahu kerajaan tunduk kepada kuasa-kuasa asing sebaliknya mahu kedaulatan negara terus dipertahankan.

Beliau menegaskan, Malaysia adalah satu-satunya negara membangun di dunia yang mampu melawan kuasa asing itu walaupun kuasa asing dan negara besar cuba menekan.

Sempena sambutan itu Perdana Menteri yang mengetuai bacaan ikrar telah merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada rakyat atas sokongan yang diberikan kepada BN untuk menerajui negara yang dicintai ke mercu kejayaan.

"Atas kesedaran dan keinsafan ini BN sempena sambutan ulang tahun ke-25 berikrar dan berjanji bahawa sesungguhnya kami berazam mempertahankan kemerdekaan serta kedaulatan negara dengan menjunjung perlembagaan dan prinsip-prinsip rukunegara demi kestabilan dan keutuhan perpaduan rakyat," ujar beliau.

Atur cara bermula dengan persembahan seni dan kebudayaan dari pukul 6 petang hingga 7 malam, diikuti perbarisan melintasi pentas utama, bacaan doa, nyanyian lagu kebangsaan 'Negaraku', upacara menaikkan bendera BN diiringi lagu BN dan deklamasi sajak.

BN lahir daripada kerjasama UMNO, MCA dan MIC di bawah naungan parti Perikatan untuk sama-sama memperjuangkan kemerdekaan tanah air daripada penjajahan kuasa asing.

Bertitik tolak daripada itu, BN kini disertai 11 lagi parti politik dari seluruh negara iaitu Gerakan, PPP, SAPP, PBRIS, UPKO, LDP, Akar, SUPP, SNAP, PRB dan PBDS.

Selain kesemua pemimpin parti komponen BN, turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang menyampaikan ucapan selaku pengerusi jawatankuasa induk sambutan.

BN yang didaftarkan pada 1 Jun 1974, menggunakan simbol dacing dengan latar belakang warna biru gelap sebagai tanda saksama, adil dan kemakmuran untuk negara.